

PENTING/PENAFIAN
INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET
DASAR, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca dan fahami lembaran penerangan produk ini berserta terma dan syarat umum sebelum anda memohon dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i)

NAMA PRODUK: AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i (TIA-i)
TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

1. Apakah produk ini?

Kontrak Syariah yang diguna pakai	TIA-i adalah akaun pelaburan bertempoh berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (Mudharabah). Mudharabah adalah kontrak antara pemegang akaun sebagai penyedia modal (Rabbul Mal) dan CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank") sebagai usahawan (Mudharib) di mana pemegang akaun menyediakan modal untuk dilaburkan oleh Bank ke dalam perniagaan patuh Syariah dan sebarang keuntungan yang dihasilkan daripada modal dikongsi antara pemegang akaun dengan Bank mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama (PSR) manakala kerugian kewangan ditanggung oleh pemegang akaun dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak bank. Bank sebagai usahawan akan menanggung kerugian dari segi masa dan usaha.
Jenis Produk	Produk ini diklasifikasikan sebagai " Akaun Pelaburan Tidak Terhad " (" URIA "). URiA merujuk kepada jenis pelaburan di mana pemegang akaun memberi mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menyatakan sebarang sekatan dan / atau syarat tertentu.
Pihak-Pihak Yang Terlibat Dalam Aktiviti Pelaburan, Peranan Dan Tanggungjawab	1. Pemegang akaun: Pemegang akaun sebagai penyedia modal meletakkan dana di TIA-i dan menerima semua terma dan syarat yang ditetapkan untuk TIA-i termasuk tetapi tidak terhad kepada objektif pelaburan, jumlah pelaburan awal minimum, nisbah perkongsian keuntungan, frekuensi pengagihan keuntungan, realisasi kerugian, tempoh pelaburan, penunaian pelaburan dan penutupan akaun pelaburan. 2. Bank: Bank sebagai usahawan menerima dana dari pemegang akaun di bawah kontrak Mudharabah dan akan menguruskan dana mengikut terma dan syarat yang dipersetujui oleh pihak-pihak termasuk tetapi tidak terhad kepada memastikan keseluruhan operasi akaun pelaburan berada dalam pematuhan dengan Syariah dan ia hanya dilaburkan dalam perniagaan yang mematuhi Syariah mengikut objektif pelaburan.

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang sesuai untuk produk ini?

Jenis Pelabur	Pelanggan-pelanggan individu dan bukan individu.
Objektif Pulangan	Untuk memberikan pulangan yang stabil melalui pelaburan berisiko rendah sehingga sederhana.
Sama Ada Pelaburan Prinsipal Akan Berisiko	Bagaimanapun risiko diuruskan melalui pendedahan runcit yang pelbagai dengan risiko rendah sehingga sederhana.

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah yang saya melabur?


Objektif Pelaburan	Objektif pelaburan adalah untuk menghasilkan pulangan stabil di samping mengekalkan modal dalam tempoh pelaburan yang dipersetujui melalui pendedahan risiko rendah sehingga sederhana.														
Strategi Pelaburan	Dana ini akan dilaburkan dalam portfolio aset yang pelbagai yang menghasilkan pulangan stabil dengan risiko rendah hingga sederhana.														
Jumlah Pelaburan Awal Minimum / Tempoh	Peletakan pelaburan minimum untuk setiap pemegang akaun adalah; • RM1,000 untuk tempoh 3 ,6 dan 12 bulan(bagi individu) • RM1,000 untuk tempoh 6 bulan (bagi bukan individu)														
Nisbah Perkongsian Keuntungan	Mana-mana keuntungan yang dihasilkan daripada modal dikongsi antara pemegang akaun dengan Bank mengikut nisbah keuntungan (PSR) yang dipersetujui bersama 50:50. PSR untuk pemegang akaun boleh disemak semula ke atas seperti yang dipaparkan di cawangan dan laman web.														
Contoh Pengiraan Keuntungan	Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual dibawah: <table border="1"> <tr> <td>Tarikh peletakan</td><td>1 Ogos 20xx</td><td>Perkongsian Kadar Keuntungan</td><td>Pelanggan : Bank 80 : 20</td></tr> <tr> <td>Prinsipal (Jumlah pelaburan)</td><td>RM 30,000</td><td>Peratusan pulangan bersih kepada pelanggan</td><td>4.00% setahun</td></tr> <tr> <td>Tarikh matang</td><td>31 Ogos 20xx</td><td>Tempoh pelaburan</td><td>1 bulan</td></tr> </table> (Nombor adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja) Nota : Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan= Nisbah Perkongsian Keuntungan x Keuntungan Kasar Pengiraan Keuntungan = Prinsipal x Peratusan Pulangan Kepada Pelanggan x Bilangan hari / 365 Keuntungan Perlu Dibayar kepada Pelanggan = RM 30,000 x 4.00% x 31/365 = RM 101.92			Tarikh peletakan	1 Ogos 20xx	Perkongsian Kadar Keuntungan	Pelanggan : Bank 80 : 20	Prinsipal (Jumlah pelaburan)	RM 30,000	Peratusan pulangan bersih kepada pelanggan	4.00% setahun	Tarikh matang	31 Ogos 20xx	Tempoh pelaburan	1 bulan
Tarikh peletakan	1 Ogos 20xx	Perkongsian Kadar Keuntungan	Pelanggan : Bank 80 : 20												
Prinsipal (Jumlah pelaburan)	RM 30,000	Peratusan pulangan bersih kepada pelanggan	4.00% setahun												
Tarikh matang	31 Ogos 20xx	Tempoh pelaburan	1 bulan												
Pengagihan Keuntungan Dan Kaedah Pembayaran	Pengagihan keuntungan pada tarikh matang atau secara tahunan untuk tempoh lebih 12 bulan. Pembayaran keuntungan boleh dibuat dengan cara berikut: - (a) Pindahan ke Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (CASA-i) / Akaun Semasa atau Simpanan (CASA) atau (b) Cek Jurubank.														
Kadar Keuntungan	Kadar keuntungan sebenar akan diisytiharkan dan dipaparkan di cawangan dan laman web pada setiap bulan.														
Pembaharuan Auto / Pelaburan Semula Apabila Matang	Pembaharuan / Pelaburan semula TIA-i untuk tempoh yang sama atau berbeza dengan atau tanpa keuntungan. Arahan boleh diberikan oleh pemegang akaun terlebih dahulu atau pada bila-bila masa sebelum matang. Sekiranya tiada arahan pembaharuan / pelaburan semula, TIA-i akan diperbaharui secara automatik dengan tempoh yang sama.														
Pembukaan Akaun	Mana-mana cawangan CIMB Islamic yang terletak setempat dengan cawangan-cawangan CIMB Bank.														

Perlindungan Oleh PIDM	Tidak layak dilindungi oleh PIDM kerana ini bukan produk deposit.
Terma & Syarat Utama	(i) Penunaian apabila matang Penunaian boleh dibuat di mana-mana cawangan. (ii) Penunaian sebelum matang Penunaian jumlah penuh sebelum matang dibenarkan tertakluk kepada persetujuan pemegang akaun untuk menepikan 50% daripada keuntungan terakru yang belum dibayar (jika ada).

PRESTASI DANA

4. Apakah kemungkinan hasil daripada pelaburan saya?

• Prestasi Dana



	Jan xx	Feb xx	Mac xx	Apr xx	Mei xx
TIA-i 3M (p.a)	3.20%	3.20%	3.20%	3.20%	3.20%
TIA-i 6M (p.a) Kempen	4.20%	4.20%	4.20%	4.20%	4.20%
TIA-i 3M (p.a) Campaign				4.30%	4.30%

- Nombor adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja
- Bagi kadar pulangan sebenar yang lalu, pemegang akaun boleh merujuk pada laporan prestasi suku tahun yang disediakan di laman sesawang CIMB Islamic di www.cimb.com.my
- Prestasi yang lepas tidak mencerminkan prestasi akan datang.

Jangkaan keuntungan dan kerugian.

Table 1 : Best Case Simulation

Overnight Policy Rate (OPR)	Net Rate of Return
3.50%	4.55%

Pengiraan keuntungan kepada pelanggan adalah berdasarkan **simulasi kes kadar pulangan bersih terbaik (4.55%)** selepas menggunakan Nisbah Perkongsian Keuntungan kepada pelanggan.

Keuntungan kepada pelanggan
 $= \text{Prinsipal} \times \text{Peratusan pulangan kepada pelanggan} \times \text{Bilangan hari} / 365$

Keuntungan kepada pelanggan
 $= \text{RM}30,000 \times 4.55\% \times 31/365$
 $= \text{RM}115.93$

Table 2 : Flat Case Simulation

Overnight Policy Rate (OPR)	Net Rate of Return
3.00%	3.79%

Pengiraan keuntungan kepada pelanggan adalah berdasarkan **simulasi kes kadar pulangan bersih rata (3.79%)** selepas menggunakan Nisbah Perkongsian Keuntungan kepada pelanggan.

Keuntungan kepada pelanggan
 $= \text{Prinsipal} \times \text{Peratusan pulangan kepada pelanggan} \times \text{Bilangan hari} / 365$

Keuntungan kepada pelanggan
 $= \text{RM}30,000 \times 3.79\% \times 31/365$
 $= \text{RM}96.58$

Table 3 : Worst Case Simulation

Overnight Policy Rate (OPR)	Net Rate of Return
2.00%	2.45%

Pengiraan keuntungan kepada pelanggan adalah berdasarkan **simulasi kes kadar pulangan bersih terburuk (2.45%)** selepas menggunakan Nisbah Perkongsian Keuntungan kepada pelanggan.

Keuntungan kepada pelanggan
 $= \text{Prinsipal} \times \text{Peratusan pulangan kepada pelanggan} \times \text{Bilangan hari} / 365$

Keuntungan kepada pelanggan
 $= \text{RM}30,000 \times 2.45\% \times 31/365$
 $= \text{RM}62.42$

(Nombor adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja)

Nota: Senario Kes Terbaik dan Kes Terburuk berdasarkan pergerakan Kadar Dasar Semalaman (OPR) +/- 25bps dari kadar *OPR* semasa sebanyak 3.00%. Tahap *OPR* diandaikan memberi impak pulangan langsung melalui pemindahan penuh peningkatan *OPR* / pengurangan kepada portfolio, dan dengan semua faktor lain tidak berubah.

Keuntungan akan diagihkan selepas menggunakan PSR yang berkuatkuasa ke atas prestasi Dana. Kerugian yang timbul daripada pelaburan akan ditanggung oleh pemegang akaun sebagai penyedia modal, melainkan jika ia disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak bank.

RISIKO-RISIKO UTAMA

5. Apakah risiko-risiko utama berkaitan dengan produk?

Risiko Pasaran	Risiko pasaran adalah kemungkinan pelabur mengalami kerugian disebabkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi keseluruhan pasaran kewangan di mana secara tidak langsung boleh mempengaruhi prestasi aset dasar. Bank akan memantau dan mengurus pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini membolehkan Bank menguruskan kedudukan dana dengan berkesan dalam rangka kerja risiko yang diluluskan.
Risiko Kehilangan Modal	Produk ini membawa risiko pengurangan nilai pelaburan asal. Dalam meringankan risiko, pihak Bank akan melabur dalam pelbagai dana portfolio aset. Pengimbangan semula portfolio boleh dilaksanakan untuk memastikan aset yang tidak sesuai dengan strategi dan objektif dana disusun semula.
Risiko Kredit	Risiko kredit timbul apabila sejumlah besar aset dari dana mengalami kegagalan. Bank akan memantau secara teliti prestasi aset terpilih dan memastikan pelaburan itu sejajar dengan strategi dan objektif dana.
Risiko Tidak Patuh Syariah	Risiko Tidak Patuh Syariah adalah risiko yang timbul daripada kegagalan Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau badan pengawalseliaan. Bank akan memantau dengan bimbingan dari Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.
Risiko Kecairan	Risiko kecairan ialah risiko yang mungkin pihak Bank tidak dapat memenuhi tuntutan pengeluaran jangka pendek dari pemegang akaun. Bank akan terus menjalankan analisis berdasarkan kumpulan URJA yang terdiri daripada deposit dan sebahagian kecil dana Mudharabah. Berdasarkan rekod aliran aktiviti pengeluaran, bank akan merumuskan ujian tekanan dan menubuhkan alat pengurangan untuk menguruskan risiko kecairan. Aliran tunai tidak sepadan dengan kumpulan kematangan akan dianalisis dan dipantau di bawah rangka kerja kecairan seperti yang ditetapkan oleh BNM.
'Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan'	

YURAN DAN CAJ

6. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Sebagai rujukan, yuran dan caj berkaitan boleh didapati di laman web dan di Cawangan.

No.	Jenis-Jenis caj	Caj
1.	Pengeluaran semula / Cetak semula Penyata untuk TIA-i untuk sebarang tempoh	RM2.00 (setiap halaman)

PENILAIAN

7. Strategi penilaian digunapakai, kekerapan dan di mana penilaian diterbitkan (alamat web di mana penilaian diterbitkan)

- Metodologi penilaian kami adalah objektif, teguh, boleh disahkan dan konsisten dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS").
- Bank akan memantau prestasi aset setiap bulan. Prestasi Dana akan disediakan secara suku tahunan di laman web www.cimb.com.my

MAKLUMAT HUBUNGAN

8. Siapa yang perlu saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?

- a) Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi ;
CIMB Islamic Bank Berhad
Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel No : 603 6204 7788
Email : cru@cimb.com

- b) Jika anda tidak berpuas hati dengan hasil proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada BNM TELELINK ;
 - a. Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
 - b. Melalui : +603-2174-1515
 - c. Melalui : bnmtelink@bnm.gov.my
 - d. Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

Maklumat yang diberikan dalam lembaran penerangan ini adalah sah setakat 1 Mac 2020.

AMARAN

PULANGAN AKAUN PELABURAN INI AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET DASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN BERISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN MUNGKIN AKAN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").